

HARI TERBUKA TUDM 2018 DI PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3876-hari-terbuka-tudm-2018-di-pangkalan-udara-butterworth

BUTTERWORTH, 8 Sept 18 – Lebih puluhan ribu rakyat Malaysia telah hadir memeriahkan Hari Terbuka TUDM 2018 yang telah diadakan di Pangkalan Udara Butterworth. Hari Terbuka yang dianjurkan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun TUDM yang Ke-60 ini telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia di hujung minggu mereka bersama keluarga mulai dari jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang.

Kemeriahan Hari Terbuka pada tahun ini begitu berbeza dengan tahun sebelumnya apabila menyaksikan hampir kesemua jenis aset-aset TUDM telah dipamerkan kepada orang ramai dalam pameran statik pesawat di dispersal area. Antara pesawat-pesawat terlibat adalah Helikopter Nuri, Helikopter EC 725, Helikopter EC 120B, Pesawat A400M, Pesawat C130H, Pesawat CN235, Pesawat PC-7 MKII, Pesawat Hawk 108/208, Pesawat F/A -18D Hornet dan Pesawat Sukhoi SU-30MKM.

Selain itu, terdapat juga persembahan-persembahan menarik turut diadakan secara dua sesi yang bermula pada jam 9.50 pagi dan 1.45 petang. Antara persembahan yang dilaksanakan adalah Pertunjukkan Udara, Persembahan Kombo dan Pancaragam TUDM, Persembahan Pasukan Khas Tentera Udara (PASKAU) dan demo kebakaran dari Bomba TUDM.

Bagi pertunjukkan udara, pelbagai aksi dan formasi menarik telah dipersembahkan oleh juruterbang-juruterbang TUDM yang berjaya memukau pengunjung-pengunjung yang hadir. Pesawat-pesawat yang telah terlibat adalah Pesawat PC-7 MKII, Pesawat Hawk 108/208, Pesawat F/A-18D Hornet dan Pesawat Sukhoi SU-30 MKM.

Manakala bagi persembahan PASKAU, satu demonstrasi menyelamatkan tebusan mengamitkan lagi suasana hari terbuka ini dengan menyaksikan Helikopter Nuri yang membawa PASKAU bagi



menyelamatkan tebusan di kawasan musuh menggunakan teknik fast-roping. Sebelum itu, PASKAU turut melaksanakan aksi payung terjun menggunakan pesawat NURI di ketinggian 5000-7000 kaki.



Hari terbuka ini turut dimeriahkan dengan penyertaan booth pameran serta gerai jualan. Lebih 50 booth pameran dan gerai jualan telah dibuka termasuklah food truck. Booth-booth pameran telah disertai oleh pelbagai agensi-agensi Badan Kerajaan serta Swasta dan termasuk juga dengan unit/skuadron TUDM yang mempamerkan aset-aset serta alatan-alatan canggih mereka.



Sambutan ini turut diserikan dengan kehadiran Timbalan Menteri Pertahanan, YB Senator Liew Chin Tong. Beliau juga turut menyaksikan kemeriahan pameran serta pertunjukkan yang terdapat di Hari Terbuka TUDM sebaik sahaja selesai menyempurnakan acara perasmian. Lebih menarik lagi apabila Pesawat Hawk telah melakukan low level pass diikuti dengan letupan firewall sebagai gimik untuk perasmian Hari Terbuka TUDM.



Turut hadir dalam sambutan ini adalah Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM dan isteri, YAM Tengku Puteri Seri Teja Pahang Puan Sri Hajjah Tengku Muhaini binti Sultan Ahmad Shah, Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Hj Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM dan Pegawai-pegawai Kanan TUDM.





